

Publication: Mediacorp Berita Online

Date: 20 September 2023

Headline: Climate change: Balance between economic and societal costs will be needed to tackle climate change, says Grace Fu

Climate change: Balance between economic and societal costs will be needed to tackle climate change, says Grace Fu

Menteri Kemampanan dan Sekitaran Grace Fu berkata, memandangkan lebih banyak sumber perlu dijadikan lebih mampan ekoran isu perubahan iklim, satu imbangan diperlukan antara kos ekonomi dan kesan sosial.

Dalam satu sesi perbincangan panel di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Fu misalnya, merujuk kepada isu air.

Lebih banyak bekalan air diperlukan bagi penduduk dan ekonomi yang semakin berkembang kata beliau.

Ini juga bermakna Singapura tidak boleh hanya bergantung kepada kolam-kolam air takungan dan air import sahaja.

Cik Fu berkata: "Kita tidak dapat menambah bilangan kolam air dalam sehari. Kita sudahpun mengepung lebih banyak sungai sebelum ini. Jadi dua sumber utama ini lebih kurang stabil. Oleh itu sumber-sumber baru air diperlukan untuk menyokong keperluan semakin bertambah untuk lebih giat tenaga dan giat sumber. Kami bercakap tentang Airbaru, kami bercakap tentang penyulingan air laut."

Cik Fu menambah, melabur dalam kaedah-kaedah itu perlu bagi jaminan air dan daya saing ekonomi Singapura.

Dalam pada itu, memandangkan kos yang diperlukan besar, pelaburan juga perlu mampan.

"Ia akan menelan kos lebih tinggi kerana anda tahu, ia memerlukan infrastruktur baru. Ia akan muncul dalam bentuk teknologi baharu. Ia selalunya lebih mahal kerana belum ada ekonomi skala untuk mengurangkan kos unit. Serta bagaimana kami pastikan bahawa sedang kami lakukan perkara yang betul untuk alam sekitar, kami tidak menjejaskan ekonomi. Kami tidak menjejaskan orang ramai," tambahnya.

Sumber : CNA/IA/at